



KERAJAAN MALAYSIA

Perolehan Ubat-Ubatan Secara CIF

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN	2
PK 7.7 Perolehan Ubat-Ubatan Secara CIF	2
1. Perolehan Ubat-Ubatan Secara CIF	2

PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN**PK 7.7 Perolehan Ubat-Ubatan Secara CIF****1. Perolehan Ubat-Ubatan Secara CIF**

- 1.1 Bagi tujuan mempercepatkan perolehan ubat-ubatan, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dibenarkan untuk meluluskan perolehan ubat-ubatan secara CIF seperti berikut:
 - 1.1.1 Perolehan setiap jenis item ubat-ubatan dan *consumables* yang berkaitan sehingga RM10 juta untuk setiap PTJ;
 - 1.1.2 Perolehan ubat-ubatan yang memerlukan perkhidmatan *cold chain* tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai perolehan;
 - 1.1.3 Bekalan ubat-ubatan dan *consumables* yang berkaitan hanya boleh diperolehi secara CIF setelah dipastikan ianya tidak boleh diperolehi secara tempatan. Agensi hendaklah memastikan bekalan tersebut diperolehi daripada agen sah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan bertaraf Bumiputera dalam kod bidang berkaitan;
 - 1.1.4 Sekiranya tidak terdapat agen sah bertaraf Bumiputera, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan diberi kuasa untuk meluluskan pembelian daripada mana-mana agen sah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
 - 1.1.5 Pembekal hendaklah dikenakan syarat wajib menggunakan perkhidmatan MTO dan insurans daripada syarikat MTO dan insurans tempatan bertaraf Bumiputera yang dilantik disenaraikan oleh Kementerian Kewangan. Perkhidmatan insurans dan MTO hendaklah bermula daripada *port of loading* hingga ke destinasi terakhir yang dinamakan oleh agensi;
 - 1.1.6 Sekiranya pihak berkuasa pembuat menetapkan peraturan perkhidmatan insurans dan pengangkutan hendaklah menggunakan perkhidmatan syarikat daripada negara tersebut, agensi diberi kelonggaran untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negara berkenaan; dan
 - 1.1.7 Petender adalah dibenarkan untuk mengemukakan tawaran alternatif dengan maksimum tiga (3) tawaran bagi setiap item ubat-ubatan.
- 1.2 Syarat-syarat di atas hendaklah dinyatakan dengan jelas kepada

pembekal dalam syarat-syarat perolehan dan dijadikan sebagai klausa dalam perjanjian kontrak.